

Timbalan Perdana Menteri lawat Kelantan Selasa ini
Utusan Online
22 April, 2012

KOTA BHARU 22 April - Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin akan melakukan lawatan kerja sehari ke Kelantan pada Selasa ini.

Jabatan Penerangan dalam satu kenyataan memberitahu, pada lawatan kali ini, Timbalan Perdana Menteri akan melakukan *walk-about* di Pasar Jelawat Bachok.

Timbalan Perdana Menteri kemudiannya dijadual merasmikan Himpunan Usahawan Mikro, Kredit dan Sederhana Negeri Kelantan di Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Perdana, Tangok, Bachok.

Pada majlis tersebut, Muhyiddin dijadual akan melancarkan Dana Patuh Syariah untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan menyampaikan cek kepada penerima Dana Usahawan Kecil Dinamik. - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0422&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_21.htm